

Sistem jaminan kesihatan perlu diwujudkan

KUALA LUMPUR 8 Jun - Kerajaan disaran mengikut langkah negara jiran seperti Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina yang membentuk Sistem Jaminan Kesihatan Nasional bagi memberi rawatan dan pembiayaan kesihatan secara komprehensif kepada rakyat.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), **Prof. Datuk Dr. Syed Mohamed Al-Junid Syed Junid** berkata, sistem berkenaan boleh berfungsi dengan menggabungkan agensi yang mempunyai dana perkhidmatan kesihatan seperti Kementerian Kesihatan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) di bawah satu bumbung.

Kata beliau, melalui sistem

tersebut segala kos saringan kesihatan dan rawatan pemulihan akan ditanggung oleh tiga agensi berkenaan.

“Cara terbaik untuk beri perkhidmatan kesihatan kepada rakyat secara menyeluruh adalah dengan melaksanakan sistem ini. Setiap rakyat akan diberikan kad dan mereka boleh menjalani pemeriksaan saringan dan rawatan di mana-mana hospital kerajaan atau swasta.

“Kos rawatan akan ditanggung namun ada hadnya mengikut

jenis-jenis penyakit. Kita perlukan sistem seperti ini kerana semakin ramai rakyat Malaysia menghidap penyakit berisiko seperti diabetes dan darah tinggi,” katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Utusan Malaysia hari ini mel-



SYED MOHAMED AL-JUNID SYED JUNID

80% baucar saringan kesihatan tak diguna

Hanya 20 peratus daripada 2.4 juta pencarum Perkeso jalani pemeriksaan kesihatan

KERATAN *Utusan Malaysia* semalam.

aporkan 80 peratus daripada 2.4 juta penerima baucar Program Saringan Kesihatan Percuma Perkeso dari tahun 2013 hingga 1 Jun lalu, tidak menggunakan kemudahan berkenaan untuk menjalani pemeriksaan kesihatan.

Ketua Pegawai Eksekutif Perkeso, Datuk Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed berkata, daripada jumlah itu hanya 459,769 pencarum atau 20 peratus penerima baucar melakukan pemeriksaan tersebut.

Katanya, hasil kaji selidik yang dijalankan pihaknya juga mendapati 63.2 peratus daripada pencarum tidak pernah menjalani saringan kesihatan sebelum ini.

Mengulas lanjut, Syed Mohamed Al-Junid menambah, baucar Program Saringan Kesihatan Percuma Perkeso tidak mendapat sambutan kerana kebanyakan pencarum tidak mengetahui tentang kewujudan dan fungsinya.

Ujar beliau, pemberian baucar untuk melakukan saringan kesihatan tidak akan menyelesaikan masalah terutamanya bagi pencarum yang menghidap penyakit kerana perlu menjalani rawatan lanjut bagi tujuan pemulihan dengan menggunakan dana sendiri.